



SOALAN LAZIM TEMPOH PERALIHAN 6% - 0%

Tanpa prejudis.

Nota: Soalan Lazim bertarikh 24 Mei 2018 adalah dibatalkan.

1. KEDUDUKAN CBP

- 1.1. S : Apakah maksud kenyataan MOF bertarikh 16 Mei 2018 berkaitan dengan pengenaan CBP pada kadar 0% dan kesannya kepada CBP / Apakah yang terjadi kepada CBP?
 J : Semua pembekalan barang dan perkhidmatan yang kini tertakluk pada kadar standard 6% menjadi berkadar standard 0% mulai 01 Jun 2018. Barang yang diimport juga dikenakan CBP berkadar standard 0%.
- 1.2. S : Adakah kenyataan MOF tersebut terpakai kepada pembekalan yang dikecualikan?
 J : Pembekalan dikecualikan kekal sebagai tidak tertakluk kepada CBP dan TIDAK berubah kepada berkadar standard 0%.
- 1.3. S : Adakah perlu saya menunggu untuk mendapat surat dari JKDM untuk berubah kepada berkadar standard 0%?
 J : Tidak, sila kenakan CBP atas kadar standard 0%.

2. PENDAFTARAN

- 2.1. S : Adakah saya perlu memohon untuk membatalkan pendaftaran saya?
 J : Tidak, sila teruskan sehingga diberitahu kelak.
- 2.2. S : Saya telah memohon untuk berdaftar untuk CBP tetapi belum mendapat kelulusan, apakah perlu saya buat?
 J : JKDM akan memproses permohonan tersebut.
- 2.3. S : Saya telah lewat mohon berdaftar dan telah dikenakan penalti lewat daftar. Bolehkah penalti tersebut diremit?
 J : Ianya merupakan kuasa budi bicara Ketua Pengarah di bawah Seksyen 62 (2) ACBP 2014. Permohonan remisi perlu dibuat.
- 2.4. S : Saya ingin memohon untuk berdaftar secara sukarela di bawah Seksyen 24 ACBP 2014. Perlukah saya mengemukakan permohonan?
 J : Tidak, pihak tuan tidak perlu memohon untuk berdaftar secara sukarela.

3. PEMBATALAN PENDAFTARAN

- 3.1. S : Saya telah terhenti dari menjadi orang kena cukai. Apakah layanan CBP ke atas aset perniagaan?
 J : Perlu mengakaunkan pada kadar standard 0%.

4. INVOIS CUKAI

- 4.1. S : Adakah perlu dibuat pindaan ke atas invois cukai kepada kadar standard 0%?
 J : Ya, invois cukai masih perlu dikeluarkan dan kadar standard 6% dipinda kepada standard 0%.
- 4.2. S : Saya telah membuat pembekalan selepas 01 Jun 2018 dan mengenakan CBP pada kadar standard 6% dan satu invois cukai telah dikeluarkan kepada pembeli. Ini bermakna saya telah TERSILAP mengenakan CBP. Perlukah saya mengakaunkan cukai yang dipungut pada kadar standard 6%?
 J : 1. Ya. Sekiranya nota kredit TIDAK dapat dikeluarkan kepada pembeli, CBP pada kadar standard 6% perlu diakaunkan.
 2. Sekiranya nota kredit boleh dikeluarkan dan syarikat telah mengakaunkan CBP berkenaan, syarikat boleh membuat pelarasan melalui GST-03.
- 4.3. S : Saya telah menjual barang dan telah mengeluarkan invois cukai pada 01 Mei 2018. Barang berkenaan telah dipulangkan oleh pembeli pada 30 Jun 2018. Adakah nota kredit perlu dikeluarkan atas kadar standard 6% atau kadar standard 0%?
 J : Kadar standard 6% kerana ia berkaitan dengan invois cukai yang telah dikeluarkan pada 01 Mei 2018.
- 4.4. S : Saya telah menghantar barang jualan saya kepada pembeli pada tarikh 25 Mei 2018. Apakah layanan CBP sekiranya invois cukai dikeluarkan pada 01 Jun 2018?
 J : Kadar CBP adalah kadar standard 6%.
- 4.5. S : Saya telah menyediakan perkhidmatan kepada penerima perkhidmatan pada tarikh 25 Mei 2018. Apakah layanan CBP sekiranya invois cukai dikeluarkan pada 01 Jun 2018?
 J : Kadar CBP adalah kadar standard 6%.
- 4.6. S : Barang telah dipindahkan pada 15 Jun 2018. Invois cukai telah dikeluarkan sebelum 01 Jun 2018. Walau bagaimanapun, bayaran telah dibuat selepas 01 Jun 2018. Apakah layanan CBP ke atasnya?
 J : CBP atas kadar standard 0%.
- 4.7. S : Perkhidmatan telah dilaksanakan pada 15 Jun 2018. Invois cukai telah dikeluarkan sebelum 01 Jun 2018. Walau bagaimanapun, bayaran telah dibuat selepas 01 Jun 2018. Apakah layanan CBP ke atasnya?
 J : CBP atas kadar standard 0%.
- 4.8. S : Invois cukai dikeluarkan pada 15 Jun 2018 berkaitan dengan perkhidmatan utiliti yang diberikan bermula 15 Mei 2018 sehingga 14 Jun 2018. Apakah layanan CBP terhadapnya?
 J : Layanan CBP berkadar standard 6% sehingga 31 Mei 2018. Mulai 01 Jun 2018, CBP adalah berkadar standard 0%. Syarikat utiliti hendaklah membuat pelarasan dalam bil tempoh yang berikutnya.

- 4.9. S : Syarikat telah membekalkan barang / perkhidmatan sebelum 01 Jun 2018. Invois cukai akan dikeluarkan dalam tempoh 21 hari dari tarikh penghantaran barang / perkhidmatan dilaksanakan. Apakah layanan CBP dikenakan ke atas pembekalan berkenaan dan kod cukai yang perlu digunakan?
J : CBP adalah berkadar standard 6% dan kod cukai yang perlu digunakan ialah SR (6%).
- 4.10. S : Syarikat telah membekalkan barang / perkhidmatan sebelum 01 Jun 2018 dan bayaran penuh telah diterima. Invois cukai akan dikeluarkan selepas 01 Jun 2018. Apakah layanan CBP dikenakan ke atas pembekalan berkenaan?
J : CBP adalah berkadar standard 6%.
- 4.11. S : Apakah kadar CBP ke atas bil invois kediri?
J : Kadar CBP dalam bil invois kediri adalah kadar standard 0%.

5. TUNTUTAN CUKAI INPUT DI BAWAH SEKSYEN 38

- 5.1. S : Sekiranya pembekalan yang dibekalkan ditetapkan pada kadar standard 0%, apakah saya masih boleh menuntut cukai input?
J : Ya, tuntutan cukai input dibenarkan sekiranya mematuhi Seksyen 39 dan Peraturan 38, Peraturan CBP 2014.
- 5.2. S : Adakah syarikat yang membuat pembekalan bercampur (*mixed supply*) masih perlu membuat pengagihan (*apportionment*) cukai input dituntut?
J : Ya, cukai input masih perlu dibuat pengagihan kerana pembekalan kadar standard 0% adalah pembekalan bercukai.
- 5.3. S : Berhubung soalan 5.2, perlukah saya membuat pelarasan tahunan?
J : Ya.

6. PENYATA

- 6.1. S : Perlukah saya menghantar penyata GST-03?
J : Ya. Orang berdaftar masih dikehendaki menghantar penyata GST-03 sehingga dimaklumkan kelak.
- 6.2. S : Saya telah dikenakan kompaun lewat hantar penyata di bawah Seksyen 41(6) ACBP 2014. Bolehkah kompaun tersebut diremit?
J : Tidak. Kuasa untuk mengenakan kompaun adalah kuasa budi bicara Pendakwa Raya.
- 6.3. S : Saya telah dikenakan penalti lewat bayar di bawah Seksyen 41(7) ACBP 2014. Bolehkah penalti tersebut diremit?
J : Ianya merupakan kuasa budi bicara Ketua Pengarah di bawah Seksyen 62 (2) ACBP 2014. Permohonan remisi perlu dibuat.
- 6.4. S : Di ruangan manakah dalam penyata GST-03 perlu diikrar untuk pembekalan yang telah bertukar ke kadar standard 0%?
J : Ikrar dibuat di ruangan 5 (a) GST-03.

- 6.5. S : Di ruangan manakah dalam penyata GST-03 perlu diikrar untuk pembekalan yang sebelum ini adalah berkadar sifar?
 J : Ikrar masih dibuat di ruangan 5 (a) GST-03 kerana Perintah CBP (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014 telah dibatalkan.
- 6.6. S : Tempoh bercukai saya adalah 01 April 2018 hingga 30 Jun 2018. Bagaimana harus saya ikrar penyata GST-03?
 J : Tuan hendaklah mengikrar jumlah jualan berkadar standard 6% sebelum 01 Jun 2018 dan jualan berkadar standard 0% mulai 01 Jun 2018 di ruangan 5 (a) GST-03. Ruangan 5 (b) adalah untuk pengikraran cukai yang perlu dibayar bagi tempoh April hingga Mei.

7. SEKSYEN 66 ACBP 2014

- 7.1. S : Saya telah mengeluarkan invois cukai pada kadar standard 6%, barang telah diserahkan kepada pembeli semasa kadar standard 0%. Apakah yang perlu saya lakukan?
 J : Cukai perlu dikenakan pada kadar standard 0%. Nota kredit perlu dikeluarkan.
- 7.2. S : Saya telah mengeluarkan invois cukai pada kadar standard 6%, perkhidmatan telah disediakan kepada penerima pembekalan semasa kadar standard 0%. Apakah yang perlu saya lakukan?
 J : Cukai perlu dikenakan pada kadar standard 0%. Nota kredit perlu dikeluarkan.
- 7.3. S : Barang telah dipindahkan kepada pembeli semasa kadar standard 6%, tetapi invois cukai dikemukakan semasa kadar standard 0%. Apakah yang perlu saya lakukan?
 J : Cukai perlu dikenakan pada kadar lama iaitu 6%.
- 7.4. S : Barang telah dipindahkan kepada pembeli semasa kadar standard 6%, dan invois cukai dikeluarkan semasa kadar standard 6%. Walau bagaimanapun, pembayaran hanya diterima semasa kadar standard 0%. Apakah yang perlu dilakukan?
 J : Cukai perlu dikenakan pada kadar lama iaitu 6%.
- 7.5. S : Saya telah membekalkan perkhidmatan kepada orang yang mempunyai kaitan (*connected person*) secara percuma. Apakah layanan CBP dan perlukah saya mengakaunkan cukai output ke atasnya?
 J : Pembekalan tersebut adalah berkadar standard 0%.
- 7.6. S : Apakah layanan CBP ke atas hadiah barang yang melebihi RM500? Perlukah saya mengakaunkan cukai output?
 J : Cukai output perlu diakaunkan pada kadar standard 0%.

8. IMPAK PADA SKIM

- 8.1. S : Adakah syarikat yang berdaftar masih boleh menuntut tambahan kadar rata (2%) sebagai cukai input?
 J : Ya, kerana tambahan kadar rata 2% masih berkuatkuasa kerana tiada pindaan dibuat di bawah Peraturan 99, Peraturan CBP 2014.

- 8.2. S : Saya merupakan pemegang skim ATS/ATMS/MS/AJS/WS, adakah saya masih perlu mengemukakan penyata bulanan skim?
J : Ya.
- 8.3. S : Saya merupakan pemilik outlet yang diluluskan di bawah Skim Bayar Balik Pelancong (TRS), apakah kadar CBP yang perlu dikenakan ke atas pembelian barang-barang yang layak di bawah skim TRS?
J : Kadar standard 0%.
- 8.4. S : Adakah pelancong masih boleh menuntut pembayaran balik cukai?
J : Pelancong masih boleh menuntut bayaran balik cukai melalui *Tourist Refund Scheme* (TRS) sekiranya pembelian dibuat daripada outlet yang berdaftar dan kadar CBP 6%, dikenakan serta tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
- 8.5. S : Sekiranya pelancong membuat pembelian pada masa CBP dikenakan pada kadar 6% dan pelancong keluar dari Malaysia semasa CBP dikenakan pada kadar 0%. Adakah pelancong masih boleh menuntut CBP yang dikenakan?
J : Ya, sekiranya pembelian dibuat 3 bulan sebelum pelancong keluar dari Malaysia.
- 8.6. S : Layanan CBP ke atas pengimportan barang yang dibuat oleh pemegang ATS adalah digantung (*suspended*). Apakah layanan selepas ianya berkadar standard 0%?
J : CBP berkadar standard 0%.
- 8.7. S : Saya merupakan penjual kereta terpakai di bawah Skim Margin di bawah Peraturan 75, Peraturan CBP 2014. Adakah saya perlu akaun CBP atas margin?
J : Ya, CBP ke atas margin berkadar standard 0%.
- Pembekalan Di Gudang Berlesen**
- 8.8. S : Pembekalan rokok atau minuman keras yang dibuat di dalam gudang berlesen adalah merupakan pembekalan yang diabaikan. Selepas 01 Jun 2018, apakah layanan CBP ke atas pembekalan tersebut?
J : Pembekalan tersebut adalah pembekalan yang diabaikan.
- 8.9. S : Apakah layanan CBP ke atas pembekalan barang selain daripada rokok atau minuman keras yang dibuat di dalam gudang berlesen?
J : Pembekalan yang diabaikan.
- 8.10. S : Apakah layanan CBP ke atas pembekalan perkhidmatan dibuat di dalam gudang berlesen?
J : Pembekalan berkadar standard 0%.
- 8.11. S : Apakah layanan CBP sekiranya Borang K1 atau K9 telah diikrar dan diluluskan oleh pegawai penaksir sebelum 01 Jun 2018 tetapi CBP belum dibayar?
J : Kekal berkadar standard 6%.

- Pengimportan: Pemindahan Barang

- 8.12. S : Apakah layanan CBP ke atas pengimportan / pemindahan barang dari gudang berlesen ke kawasan utama kastam?
 J : Pemindahan / pengimportan dikenakan cukai berkadar standard 0%.
- 8.13. S : Apakah layanan CBP ke atas pengimportan / pemindahan barang dari gudang berlesen ke gudang berlesen yang lain, zon bebas dan ke kawasan yang ditetapkan?
 J : Pemindahan / pengimportan tidak dikenakan cukai .
- 8.14. S : Apakah layanan CBP sekiranya Borang K1 atau K9 telah diikrar dan CBP telah dibayar tetapi barang telah dipindahkan keluar dari gudang berlesen selepas 01 Jun 2018?
 J : Kekal berkadar standard 0%. Pengimport dinasihati melakukan pemindahan barang dari gudang berlesen ke kawasan utama kastam pada hari yang sama.
- 8.15. S : Berkaitan dengan soalan 8.14, bolehkah saya menuntut cukai input?
 J : Tuntutan cukai input dibenarkan sekiranya barang-barang tersebut dipindah oleh orang berdaftar.

- Eksport

- 8.16. S : Apakah layanan CBP ke atas pengeksportan barang dari gudang berlesen ke suatu tempat di luar Malaysia?
 J : Pengeksportan dikenakan cukai berkadar standard 0%.

9. CUKAI INPUT YANG TIDAK DIBENARKAN (*BLOCKED INPUT TAX*)

- 9.1. S : Saya telah menjual motokar penumpang yang mana tuntutan cukai input tidak dibenarkan di bawah Peraturan 36, Peraturan CBP 2014. Apakah layanan CBP ke atasnya?
 J : Layanan CBP kekal seperti sedia ada iaitu penjualan tersebut bukan merupakan suatu pembekalan. Tuntutan cukai input tidak dibenarkan.

10. PEMBEKALAN YANG DIBUAT DI DALAM KAWASAN YANG DITETAPKAN (*DESIGNATED AREA*)

- Pembekalan Dalam Kawasan Yang Ditetapkan

- 10.1. S : Apakah layanan CBP ke atas pembekalan barang selain daripada rokok atau minuman keras dalam kawasan yang ditetapkan?
 J : Tiada CBP yang dikenakan ke atas pembekalan dalam kawasan yang ditetapkan. Bagi pembekalan yang berkadar standard 6%, CBP hendaklah dikenakan atas kadar standard 0%.
- 10.2. S : Apakah layanan CBP ke atas jualan rokok atau minuman keras dalam kawasan yang ditetapkan?
 J : Jualan rokok atau minuman dalam kawasan yang ditetapkan adalah kadar standard 0%.
- 10.3. S : Apakah layanan CBP ke atas pembekalan perkhidmatan dalam kawasan yang ditetapkan?
 J : Pembekalan berkadar standard 0%.

- Pembekalan Di Antara Kawasan Yang Ditetapkan

- 10.4. S : Apakah layanan CBP ke atas pembekalan barang selain daripada rokok atau minuman keras di antara kawasan yang ditetapkan?
 J : Tiada CBP yang dikenakan ke atas pembekalan di antara kawasan yang ditetapkan. Bagi pembekalan yang berkadar standard 6%, CBP hendaklah dikenakan atas kadar standard 0%.
- 10.5. S : Apakah layanan CBP ke atas jualan rokok atau minuman keras di antara kawasan yang ditetapkan?
 J : Jualan rokok atau minuman di antara kawasan yang ditetapkan adalah berkadar standard 0%.
- 10.6. S : Apakah layanan CBP ke atas pembekalan perkhidmatan di antara kawasan yang ditetapkan?
 J : Pembekalan berkadar standard 0%.

- Pengimportan: Pemindahan Barang Dari Kawasan Yang Ditetapkan

- 10.7. S : Apakah layanan CBP ke atas pengimportan / pemindahan barang dari kawasan yang ditetapkan ke kawasan utama kastam?
 J : Pemindahan / pengimportan dikenakan cukai berkadar standard 0%.
- 10.8. S : Apakah layanan CBP ke atas pengimportan / pemindahan barang dari kawasan yang ditetapkan ke kawasan yang ditetapkan yang lain, gudang berlesen atau zon bebas?
 J : Pemindahan / pengimportan dikenakan cukai berkadar standard 0%.
- 10.9. S : Apakah layanan CBP sekiranya Borang K1 telah diikrar dan CBP telah dibayar tetapi barang telah dipindahkan keluar dari kawasan yang ditetapkan selepas 01 Jun 2018?
 J : Kekal berkadar standard 6%. Pengimport dinasihati melakukan pemindahan barang dari kawasan yang ditetapkan ke kawasan utama kastam pada hari yang sama.
- 10.10. S : Berkaitan dengan soalan 10.9, bolehkah saya menuntut cukai input?
 J : Tuntutan cukai input dibenarkan sekiranya barang-barang tersebut dipindah oleh orang berdaftar.

- Eksport

- 10.11. S : Apakah layanan CBP ke atas pengeksportan barang dari kawasan yang ditetapkan ke suatu tempat di luar Malaysia?
 J : Pengeksportan barang tertakluk kepada CBP berkadar 0%.

11. PEMBEKALAN DI ZON BEBAS (*FREE ZONE*)

- 11.1. S : Apakah layanan CBP ke atas pembekalan barang selain daripada rokok atau minuman keras dalam zon bebas?
 J : Tiada CBP yang dikenakan ke atas pembekalan dalam zon bebas. Bagi pembekalan yang berkadar standard 6%, CBP hendaklah dikenakan atas kadar standard 0%.

- 11.2. S : Apakah layanan CBP ke atas jualan rokok atau minuman keras dalam zon bebas?
 J : Jualan rokok atau minuman dalam kawasan yang ditetapkan adalah kadar standard 0%.
- 11.3. S : Apakah layanan CBP ke atas pembekalan perkhidmatan dalam zon bebas?
 J : Pembekalan berkadar standard 0%.

- Pembekalan Di Antara Zon Bebas

- 11.4. S : Apakah layanan CBP ke atas pembekalan barang selain daripada rokok atau minuman keras di antara zon bebas?
 J : Tiada CBP yang dikenakan ke atas pembekalan di antara zon bebas. Bagi pembekalan yang berkadar standard 6%, CBP hendaklah dikenakan atas kadar standard 0%.
- 11.5. S : Apakah layanan CBP ke atas jualan rokok atau minuman keras di antara zon bebas?
 J : Jualan rokok atau minuman di antara zon bebas adalah berkadar standard 0%.
- 11.6. S : Apakah layanan CBP ke atas pembekalan perkhidmatan di antara zon bebas?
 J : Pembekalan berkadar standard 0%.

- Pengimportan / Pemindahan Barang Dari Zon Bebas

- 11.7. S : Apakah layanan CBP ke atas pengimportan / pemindahan barang dari zon bebas ke kawasan utama kastam?
 J : Pemindahan / pengimportan dikenakan cukai berkadar standard 0%.
- 11.8. S : Apakah layanan CBP ke atas pengimportan / pemindahan barang dari zon bebas ke zon bebas yang lain, gudang berlesen dan kawasan yang ditetapkan?
 J : Pemindahan / pengimportan dikenakan cukai berkadar standard 0%.
- 11.9. S : Apakah layanan CBP sekiranya Borang K1 telah diikrar dan CBP telah dibayar tetapi barang telah dipindahkan keluar dari zon bebas selepas 01 Jun 2018?
 J : Kekal berkadar standard 6%. Pengimport dinasihati melakukan pemindahan barang dari zon bebas ke kawasan utama kastam pada hari yang sama.
- 11.10. S : Berkaitan dengan soalan 11.9, bolehkah saya menuntut cukai input?
 J : Tuntutan cukai input dibenarkan sekiranya barang-barang tersebut dipindah oleh orang berdaftar.

- Eksport

- 11.11. S : Apakah layanan CBP ke atas pengeksportan barang dari zon bebas ke suatu tempat di luar Malaysia?
 J : Pengeksportan dikenakan cukai berkadar standard 0%.

12. KETETAPAN UMUM / AWAL / DG DECISION / KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH JKDM

- 12.1. S : Adakah ketetapan umum / ketetapan awal / *DG decision* / panduan industri / surat dasar daripada sektor yang berkaitan dengan layanan CBP yang telah dikeluarkan oleh JKDM masih terpakai?
 J : Keputusan-keputusan di atas masih terpakai sehingga diberitahu kelak.

13. NOTIS TUNTUTAN (BOD) / SIASATAN / PENDAKWAAN / RAYUAN TRIBUNAL / KOMPAUN

- 13.1. S : Saya telah menerima Notis Tuntutan (BOD) dari JKDM menuntut sejumlah cukai dibayar. Adakah saya perlu membayar BOD tersebut?
 J : Notis Tuntutan (BOD) tersebut masih perlu dibayar.
- 13.2. S : Syarikat saya telah disiasat oleh JKDM atas kesalahan tidak menghantar penyata GST-03, adakah saya akan terlepas dari tindakan siasatan dari JKDM?
 J : Tidak.
- 13.3. S : Syarikat saya telah didakwa oleh JKDM atas kesalahan tidak membayar CBP, adakah saya akan terlepas dari pendakwaan JKDM?
 J : Tidak.
- 13.4. S : Syarikat saya telah menfailkan rayuan di Tribunal Rayuan CBP, adakah kes saya masih akan diteruskan?
 J : Ya.
- 13.5. S : Syarikat saya telah menerima tawaran kompaun RM5,000 atas kesalahan gagal hantar penyata. Adakah saya perlu membayar kompaun tersebut?
 J : Ya.

14. SENARAI HITAM

- 14.1. S : Adakah tindakan senarai hitam diteruskan?
 J : Ya.

15. AGEN CUKAI

- 15.1. S : Apakah yang akan berlaku kepada Agen Cukai dan adakah perkhidmatan mereka perlu diteruskan?
 J : Agen Cukai masih diperlukan untuk perkara-perkara yang berkaitan dengan CBP.

16. AUDIT

- 16.1. S : Adakah Audit CBP akan diteruskan selepas 01 Jun 2018?
 J : Ya.
- 16.2. S : Adakah registran masih perlu menyimpan dokumen/rekod perniagaan selama 7 tahun?
 J : Ya.

17. UMUM

- 17.1. S : Apakah itu SST?
 J : SST adalah Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan. Cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang kilangan tempatan dan import, manakala cukai perkhidmatan adalah cukai yang dikenakan ke atas perkhidmatan tertentu.
- 17.2. S : Saya telah membeli tiket penerbangan sebelum 01 Jun 2018 dan dijadualkan berlepas selepas 01 Jun 2018. Bolehkah saya menuntut balik nilai CBP yang telah dibayar?
 J : Bergantung kepada transaksi jual beli antara penjual dan pembeli tertakluk kepada syarat-syarat yang telah dimeterai.
- 17.3. S : Deposit (bayaran pendahuluan) untuk pembekalan barang / perkhidmatan telah dibayar sebelum tarikh 01 Jun 2018 dan barang / perkhidmatan dibekalkan selepas tarikh 01 Jun 2018. Apakah layanan CBP?
 J : Bayaran pendahuluan tertakluk kepada CBP atas kadar standard 6% manakala baki bayaran sekiranya dibuat selepas tarikh 01 Jun 2018 adalah tertakluk kepada kadar standard 0%.
- 17.4. S : Adakah cukai yang dikenakan ke atas barang yang dibawa masuk bersama penumpang di lapangan terbang bertukar ke kadar standard 0%?
 J : Tidak, masih kekal pada kadar 10%. CBP ke atas barang dikenakan pada kadar standard 0%, tetapi duti import ke atas barang yang dibawa masuk bersama penumpang masih dikekalkan pada kadar *ad valorem* 10%.
- 17.5. S : Barang yang dibeli dan dikenakan CBP pada kadar standard 6% kemudian dipulangkan kepada pembekal semasa CBP berkadar standard 0%. Apakah layanan CBP?
 J : Pembekal perlu mengeluarkan nota kredit yang sama nilai jualannya dan dikaitkan dengan invoices.
- 17.6. S : Adakah Cukai Pelancongan akan diteruskan?
 J : Ya.
- 17.7. S : Bermula dari 01 Jun 2018, apakah layanan CBP terhadap pembekalan yang dibuat oleh jabatan kerajaan yang berdaftar di bawah Seksyen 20 ACBP 2014?
 J : Pembekalan yang dibuat oleh jabatan kerajaan yang berdaftar dibawah Seksyen 20 ACBP 2014 adalah merupakan pembekalan di luar skop. Pembekalan barang / perkhidmatan yang dibuat oleh jabatan kerajaan tersebut tidak tertakluk kepada CBP.
- 17.8. S : Bermula dari 01 Jun 2018, apakah layanan CBP ke atas perolehan barang atau perkhidmatan oleh jabatan kerajaan?
 J : Perolehan barang atau perkhidmatan oleh jabatan kerajaan tertakluk kepada CBP pada kadar standard 0%. Perintah CBP (Pelepasan) 2014 telah dibatalkan. Ke atas perolehan perkhidmatan juga tertakluk kepada kadar standard 0%.
- 17.9. S : Saya bukanlah orang berdaftar CBP. Saya masih mempunyai stok barang yang telah dikenakan CBP 6% selepas 01 Jun 2018. Bolehkah saya menuntut pulang balik cukai?
 J : Tidak.

- 17.10. S : Untuk caj balikan (*reversed charge*) adakah perlu diakaunkan CBP?
J : Ya, atas kadar standard 0%.
- 17.11. S : Perlukah saya menukar tanda harga (*price tag*) yang pada ketika ini menunjukkan kadar standard 6%?
J : Sekiranya tindakan segera tidak boleh diambil, syarikat dibenarkan menampal notis di tempat yang mudah dilihat oleh pelanggan menyatakan kadar standard 6% telah bertukar kepada kadar standard 0% mulai 01 Jun 2018. Syarikat diberi tempoh sehingga 30 Jun 2018 untuk menukarkan tanda harga.
- 17.12. S : Adakah pihak insurans perlu membayar balik CBP yang telah dibayar oleh pemegang polisi sekiranya perlindungan insurans tersebut dibuat di bawah suatu perjanjian bagi suatu tempoh bermula 01 Jan 2018 hingga 31 Dec 2018 dan invois cukai dan bayaran dihubungkan dengan suatu pembekalan bagi tempoh tersebut telah dibuat sebelum 01 Jun 2018?
J : Tidak.
- 17.13. S : Bagaimanakah status bank yang dilantik sebagai agen pemungut CBP selepas 01 Jun 2018?
J : Status bank yang dilantik sebagai Agen Pemungut CBP adalah kekal seperti sedia ada.
- 17.14. S : Apakah layanan CBP ke atas pembekalan barang yang ditentukan sebagai pembekalan berkadar sifar di bawah Jadual 1 Perintah CBP (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014?
J : Kadar standard 0%.
- 17.15. S : Apakah layanan CBP ke atas pembekalan perkhidmatan yang ditentukan sebagai pembekalan berkadar sifar di bawah Jadual 2 Perintah CBP (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014?
J : Kadar standard 0%.
- 17.16. S : Merujuk kepada soalan 17.14 dan 17.15, adakah invois cukai perlu dikeluarkan?
J : Ya.
- 17.17. S : Saya telah menerima bayaran sebanyak RM100,000 untuk pembekalan barang pada 20 Mei 2018. Barang hanya diserahkan kepada pembeli pada 02 Jun 2018. Apakah layanan CBP ke atas pembekalan tersebut?
J : CBP 6% perlu diakaunkan ke atas bayaran yang diterima. Gunakan pecahan cukai (6/106) untuk menentukan amaun cukai yang perlu diakaunkan.
- 17.18. S : Saya telah menuntut pelepasan hutang lapuk sebelum 01 Jun 2018. Selepas 01 Jun 2018, penghutang telah membayar semula amaun yang saya tuntutan dalam pelepasan tersebut. Apakah layanan CBP ke atas bayaran semula hutang lapuk yang menuntut pelepasan sekiranya bayaran semula dibuat selepas 01 Jun 2018?
J : Bayaran semula hutang lapuk perlu diakaunkan atas kadar standard 6%.

- 17.19. S : Apakah layanan CBP ke atas "*reimbursement*" yang berkaitan dengan pembekalan yang berlaku sebelum 01 Jun 2018?
 J : "*Reimbursement*" yang berlaku selepas 01 Jun 2018 adalah satu pembekalan baru dan tertakluk ke atas CBP atas kadar standard 0%.
- 17.20. S : Saya telah menandatangani Perjanjian Jual Beli untuk menjual satu unit bangunan komersial bernilai RM 1,600,000 pada 01 April 2018. Deposit sebanyak 10% telah diterima semasa menandatangani perjanjian tersebut dan baki 90% akan dibayar dalam tempoh 90 hari iaitu pada 11 Jun 2018. Pemilikan kosong (VP) akan dikeluarkan setelah pembayaran penuh dibuat. Apakah layanan CBP ke atas transaksi ini?
 J : Deposit yang diterima semasa menandatangani perjanjian jual beli berkenaan adalah merupakan sebahagian daripada balasan yang diterima sebelum 01 Jun 2018 adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard 6%. Manakala baki bayaran sebanyak 90% yang diterima pada atau selepas 01 Jun 2018 adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard 0%.
- 17.21. S : LMN Construction Sdn Bhd adalah pembekal perkhidmatan pembinaan. Sejumlah pembayaran yang sepatutnya diterima telah ditahan oleh pelanggan sebagai wang tahanan. Apakah layanan CBP ke atas wang tahanan yang dikaitkan dengan kerja pembinaan yang telah dilakukan sebelum 01 Jun 2018 dan pembayaran wang tahanan dibuat pada atau selepas 01 Jun 2018?
 J : Jumlah wang tahanan yang dikaitkan dengan pembekalan yang dilakukan sebelum 01 Jun 2018 adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard 6%. LMN Construction Sdn Bhd adalah bertanggungjawab untuk mengakaunkan cukai output setelah menerima jumlah wang tahanan tersebut walaupun bayaran itu diterima pada atau selepas 01 Jun 2018.
- 17.22. S : Badan pengurusan bersama / perbadanan pengurusan yang menguruskan bangunan komersial telah menerima bayaran pada 31 Mac 2018 bagi yuran penyelenggaraan dan wang penjelas (*sinking fund*) untuk tempoh 1 tahun mulai 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018. Cukai output telah diakaunkan di dalam GST-03. Apakah layanan CBP?
 J : CBP adalah pada kadar standard 6%.
- 17.23. S : Badan pengurusan bersama / perbadanan pengurusan yang menguruskan bangunan komersial masih belum menerima pembayaran daripada pemilik unit bagi pembekalan perkhidmatan bagi tempoh 01 Januari 2018 sehingga 31 Mei 2018. Bayaran telah dibuat pada 02 Julai 2018. Adakah CBP perlu dikenakan pada kadar standard 0%?
 J : CBP adalah pada kadar standard 6%.
- 17.24. S : Apakah layanan CBP ke atas pembekalan barang yang dilepaskan di bawah Jadual 1 dan 2 Perintah CBP (Pelepasan) 2014?
 J : CBP adalah pada kadar standard 0%. Perintah CBP (Pelepasan) 2014 telah dibatalkan.
- 17.25. S : Projek telah disiapkan pada 18 Mei 2018. Walau bagaimanapun, konsultan hanya boleh mengeluarkan sijil pengesahan projek pada Jun 2018. Invois bercukai telah dikeluarkan pada 30 Jun 2018 apabila pihak konsultan mengesahkan bayaran terakhir. Adakah CBP dikenakan atas kadar standard 6% atau 0%?
 J : Kadar standard 6%.

- Kod cukai (Mulai 01 Jun 2018)

- 17.26. S : Apakah kod cukai yang akan digunakan apabila pembekalan berkadar standard 6% ditukar kepada pembekalan berkadar standard 0%?
 J : Kod SR (0%) atau kod yang syarikat gunakan untuk pembekalan tempatan berkadar standard.
- 17.27. S : Bagi nota kredit dan nota debit yang diterima daripada pembekal pada atau selepas 01 Jun 2018 yang berkaitan dengan invoice cukai bagi pembekalan berkadar standard 6% yang dikeluarkan sebelum 01 Jun 2018, apakah kod cukai yang perlu digunakan untuk tujuan pelarasan yang melibatkan nilai negatif?
 J : Sekiranya nilai negatif wujud di ruangan 5(b) GST-03, pelarasan untuk tujuan tuntutan cukai hendaklah menggunakan kod "AJP" dan diikrar di ruangan 6 (b) penyata GST-03. Sebaliknya, jika nilai negatif wujud di ruangan 6(b) GST-03, pelarasan untuk tujuan bayaran cukai hendaklah menggunakan kod "AJS" dan diikrar di ruangan 5 (b) penyata GST-03.
- 17.28. S : Apakah kod cukai yang akan digunakan untuk pembelian berkadar standard 0%?
 J : Kod ZP atau kod yang syarikat gunakan untuk pembelian berkadar standard 0%.
- 17.29. S : Apakah kod cukai yang perlu digunakan bagi pembekalan barang / perkhidmatan yang dibuat pada atau selepas 01 Jun 2018 dan bagaimana ia perlu diikrarkan dalam GST-03?
 J : Bagi pembekalan barang / perkhidmatan yang dibuat pada atau selepas 01 Jun 2018, satu kod cukai SR pada kadar 0% baru perlu diwujudkan (contoh SR-0). Kod cukai ini perlu diikrarkan ke dalam ruangan 5 (a) dan d (b) penyata GST-03. Bagi perniagaan yang tidak mempunyai transaksi nota kredit / nota debit atau apa-apa pelarasan yang lain, pengwujudan kod cukai baru ini tidaklah mandatori. Memadai hanya meminda kod cukai SR (6%) kepada SR (0%).
- 17.30. S : Apakah kod cukai yang perlu digunakan untuk pengeluaran nota kredit dan nota debit pada atau selepas 01 Jun 2018 yang berkaitan dengan invoice cukai yang dikeluarkan sebelum 01 Jun 2018 bagi pembekalan yang berkadar standard 6%?
 J : Kod cukai yang perlu digunakan ialah SR (6%).

Informasi yang terkandung di dalam FAQ ini bertujuan untuk memberi kefahaman ke atas layanan CBP dan tidak bertujuan untuk membincangkan kesemua isu CBP. Informasi ini adalah betul pada tarikh dikeluarkan. JKDM mempunyai hak untuk meminda atau menarik balik FAQ ini.

Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia.